



كمترین كبودايان بليةادان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ورتابلیا

WARTA BELIA

YOUTH NEWS

SUKARELAWAN BELIA

.25hb Jun 2020M | 3 Zulkaedah 1441H | EDISI 11

▼
▼
▼
▼



PETIKAN TITAH PERUTUSAN KHAS KDYMM BERKENAAN COVID-19 PADA 13 APRIL 2020



"Beta dengan tulus ikhlas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih diatas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang dihulurkan oleh semua pihak, termasuk orang-orang persendirian dalam membantu Kerajaan Beta menghadap detik-detik yang mencabar ini. Terutama kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan (volunteers) yang telah bekerja siang dan malam untuk membantu merawat para pesakit COVID-19 dan mereka yang menjalani kuarantin. Sumbangan mereka ini amat Beta hargai."

Petikan Titah Perutusan Khas KDYMM berkenaan COVID-19 pada 13 April 2020

PENUBUHAN SUKARELAWAN BELIA



Penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam telah memberi kesan yang amat mendalam kepada seluruh rakyat negara ini. Justeru itu, terbentuklah Sukarelawan Belia menyumbangkan bakti dalam sama-sama mendukung usaha Kerajaan membendung detik wabak ini. Di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Sukarelawan Belia telah diberikan lokasi di Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kampong Pulaie sebagai pusat operasi yang beroperasi 24 jam.

18 Mac 2020 adalah hari pertama pihak operasi menghantar sukarelawan belia bertugas. Mereka ini terdiri dari individu-individu yang berhati murni sukarela ingin sama memberikan sokongan tenaga kepada Kementerian Kesihatan khususnya. Para sukarelawan diberikan kepercayaan bertugas di pusat-pusat pengasingan termasuk hotel-hotel, asrama, pusat-pusat kesihatan yang berisiko rendah dan penghantaran makanan catuan kepada individu/keluarga dalam tempoh pengasingan. Sebelum bertugas, mereka telah diberikan taklimat keselamatan dan peranan masing-masing sebelum dihantar ke pusat-pusat tersebut. Penubuhan Sukarelawan Belia telah menunjukkan betapa anak-anak watan sedia bersatu dan berbakti untuk negara tercinta.

SUKARELAWAN TERLIBAT MENGHULURKAN BANTUAN

Sukarelawan Belia yang terdiri daripada Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan belia am terlibat dalam kerja penghantaran barang asasi yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Makanan asasi dihantar ke rumah individu-individu dan keluarga yang menjalani pengasingan diri di rumah masing-masing. Sukarelawan Belia membantu mengagihkan dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda 4x4 dan kenderaan di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan.



KETIBAAN RAKYAT DAN WARGA NEGARA LUAR

Dalam sama-sama menjayakan usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, sekumpulan Sukarelawan Belia telah ditugaskan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam untuk membantu pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Pasukan Polis DiRaja Brunei, Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)

Sukarelawan Belia yang berada di Lapangan Terbang ditugaskan untuk mengiringi penumpang-penumpang ke kendaraan yang dikhaskan untuk dibawa ke pusat-pusat pengasingan yang disediakan kerajaan di samping bertugas memastikan kelancaran perjalanan proses secara keseluruhan.



BRUNEIAN SPIRIT

Dengan semangat "BRUNEIAN SPIRIT" masyarakat Negara Brunei Darussalam juga turut bersama-sama menyumbangkan barang keperluan asasi untuk digunakan di pusat operasi.

Makanan dan minuman adalah sebahagian yang disumbangkan oleh masyarakat budiman yang seterusnya dikongsikan kepada sukarelawan yang bertugas di pusat operasi dan pusat-pusat pengasingan.

Dikesempatan ini, Sukarelawan Belia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada penyumbang yang dermawan yang tidak putus-putus menghulurkan sumbangan kepada Sukarelawan Belia. Mari kita sama-sama memupuk dan membangkitkan semangat "BRUNEIAN SPIRIT" dengan mengikuti arahan dan saranan pihak kerajaan dalam sama-sama memupuk sifat tanggungjawab sosial.



PROGRESIF MENAJA 5 TALIAN OPERASI

Dalam sama-sama menyokong Sukarelawan Belia untuk menjalankan operasi 24 jam, Syarikat Progresif Sdn Bhd telah menyumbangkan 5 biji telefon bimbit bersama kad sim untuk kegunaan operasi ini. Antara keperluannya adalah untuk memudahkan cara dan menghubungi sukarelawan-sukarelawan bagi tugas-tugas yang berlainan.

5 nombor talian tersebut adalah OPS 2 - 8163461, OPS 3 - 8163325, OPS 4 - 8163081, OPS 5 - 8163054 dan OPS PKBN - 8163324.



Lembaran Terindah Sukarelawan Belia

Ruangan ini dicipta khas istimewa untuk penghargaan sumbangan bakti para sukarelawan. Mereka inilah antara wajah-wajah Sukarelawan Belia kita yang masih bersama. Mereka telah mencorakkan peristiwa-peristiwa yang menjadi lembaran kenangan terindah. Walau mempunyai keluarga, karier dan komitmen masing-masing, mereka sanggup mengorbankan waktu dan tenaga demi pemimpin dan negara Brunei tercinta. Hayatilah beberapa coretan lembaran terindah dari para sukarelawan kita.



**YANG BERHORMAT MEJAR JENERAL (B)
DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA
SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

"Alhamdullillah, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di atas keprihatinan dan kepercayaan Baginda Sultan kepada Sukarelawan Belia di bawah naungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk sama-sama menyumbang bakti dan tenaga dalam memerangi penyakit wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam ini."



**YANG MULIA
PENGIRAN MOHD AMIRRIZAL BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD
SETIAUSAHA TETAP,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

"Terlebih dahulu mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada ibubapa / penjaga sukarelawan belia di atas kerjasama sokongan padu di dalam memberikan keizinan untuk anak-anak mereka mengikuti Sukarelawan Belia dan seterusnya, memberikan semangat dan doa restu untuk mereka."



**YANG MULIA
KOLONEL (B) PENGIRAN HAJI MAIDIN BIN PENGIRAN HAJI SAID
TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

"Tidak lupa juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan serta orang-orang perseorangan yang turut sama berganding bahu dengan memberikan sumbangan ikhlas sama ada berupa wang ringgit, barang-barang keperluan keselamatan dan perhubungan, makanan dan sebagainya demi memastikan kebijakan, kesejahteraan serta keselamatan para sukarelawan agar sentiasa terpelihara."



**KOLONEL (B) PENGIRAN ZULKIFLI BIN PENGIRAN HAJI ISMAIL
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Operasi Sukarelawan Belia.**

"100 hari Sukarelawan Belia sangat banyak detik-detik yang begitu berharga bagi saya. Pertama sekali ketika saya dilantik mengetuai operasi Sukarelawan Belia kerana amanah ini agak berat umpamanya sedang mengemudi sebuah kapal di tengah lautan bergelora. Para belia seperti anak-anak kapal yang mempunyai latar berbeza. Walau tanpa adanya peruntukan kewangan dan sebagainya tetapi barisan ini tetap terus mengorak langkah dengan adanya sokongan dan dukungan dari pelbagai pihak. Tanpa sumbangan belia-belia hebat ini, sebuah kapal tidak akan dapat belayar dengan jayanya hingga ke hari ini. Saya juga tidak dapat lupakan detiknya saya diberi seragam kuning Sukarelawan Belia kerana seragam ini telah menyuntik semangat belia ke dalam diri saya untuk bersama mereka dalam barisan, berjuang dan berbakti demi negara kita yang dikasih."

**MUHD AMIRUL SYAZMIE BIN IBRAHIM
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Pengasas Bersama Sukarelawan Belia & Penolong Ketua Operasi Sukarelawan Belia.**



"Satu kenangan manis bagi saya pada hari pertama bergeraknya Sukarelawan Belia yang berjaya ditubuhkan dan digabungkan dari barisan sukarelawan pelbagai agensi bukan Kerajaan. 100 hari Sukarelawan Belia ini, kita banyak menyaksikan belia-belia tampil ke hadapan menghulurkan bantuan sama ada dari segi buah fikiran dan khidmat tenaga, dalam membantu Kementerian Kesihatan mengawal penularan wabak COVID-19. Disamping itu, satu peristiwa berharga juga apabila sukarelawan kita tampil membantu mereka yang berkeperluan separjang bulan Ramadhan dan Aidilfitri. Di sinilah saya menyaksikan kekuatan silaturahim antara para sukarelawan dan petugas yang terlibat. Terima kasih kepada seluruh sukarelawan yang telah bersama hingga ke hari ini dan semoga lebih ramai lagi sukarelawan-sukarelawan kita tampil menghulurkan sumbangan murni ini."



**DR. MUHAMMAD NURISKANDAR BIN MOHD HASNAN
PENOLONG KETAUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020
sebagai Penolong Ketua Operasi Sukarelawan Belia Bahagian Kesejahteraan.**

"Saya melihat Sukarelawan Belia ialah cerminan masa depan negara. 100 hari Sukarelawan Belia telah menunjukkan teladan unggul erti kekentalan, komitmen dan kebersamaan. Sukarelawan Belia bagi saya adalah platform para sukarelawan saling belajar antara satu sama yang lain, untuk menjadi seseorang yang lebih berupaya menghadapi tekanan dan cabaran. Ia merupakan tempat untuk kita saling kenal-mengenali, saling prihatin dan saling membantu. Itulah keindahan Sukarelawan Belia dalam ingatan saya."

**HJH NOOR MONASALIEANA @ SUZIE BINTI HJ MOHD SALLEH
USAHAWAN SYARIKAT-SYARIKAT WIRA GROUP,
PRESIDEN MALAM MINGGU PUSAT BELIA (MMPB)
PELAKON SENI TANAHAIR & PENYAMPAI RTB (RADIO TELEVISYEN BRUNEI)**

*Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Pengasas Bersama Sukarelawan Belia & Ketua Bahagian Pusat Operasi Sukarelawan Belia.*



"Terlibat dalam usaha sama menggabungkan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan di bawah satu logo adalah salah satu peristiwa yang berharga bagi saya. Saya bangga melihat keikhlasan, ketulusan dan kewibawaan belia-belia kita dalam menjayakan usaha menangani pandemik wabak di negara Brunei ini. Mereka berada bersama bukan atas nama, tetapi ikhlas bakti demi negara. InsyaAllah perbetulkan niat kita, keikhlasan akan lebih terserlah."



MUHAMMAD ABDUL WAIFI BIN HAJI SOFIAN
MAHASISWA TAHUN 1 JURUSAN PERHUBUNGAN KORPORAT,
UNIVERSITI INFRASTRUKTUR KUALA LUMPUR.
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Pusat Operasi Bahagian Pentadbiran.

"Sejurnya, pada mula-mula saya hanya ingin menyertai Sukarelawan Belia di waktu yang singkat. Namun sebaliknya, saya masih berada di sini berbakti bersama para sukarelawan. Sepuluh hari pertama Sukarelawan Belia adalah peristiwa penting bagi saya kerana pada waktu itu telah bersama rakan seperjuang tidak kenal penat lelah menstruktur Sukarelawan Belia. Satu pengalaman yang sungguh bererti bagi saya apabila dapat berkerja dengan mereka yang berlainan latar, usia yang berbeza, dan mempelajari pelbagai pengalaman. Saya juga masih ingat ketika berpenat lelah berkerja hingga akhir malam, saling berkerjasama membantu rakan-rakan seperjuang, menemui lebih ramai orang baru, dan rangkaian kenalan yang luas. Terbaru, satu penghargaan bagi saya dapat terlibat sama menjayakan acara-acara penting seperti penyerahan eluan dan 100 Hari Sukarelawan Belia."

MD HAZIQ HISYAM BIN MD ZAKI
TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS BELIA BRUNEI
TIMBALAN PRESIDEN PERSATUAN KEMAJUAN INSAN (KESAN).

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Pengasas bersama Sukarelawan Belia
& Ketua Operasi Sukarelawan Belia Bahagian Pusat Pengasingan / Hotel



"Tertubuhnya Sukarelawan Belia pada awalnya adalah atas dasar membantu negara tercinta menangani wabak COVID19. Ianya bermula dengan tiga gabungan usaha yang ingin bersama menghidupkan suasana memucang-mucang dikalangan belia untuk berbakti kepada Negara.

Setiap belia yang tampil mempunyai pelbagai latar dan saya sering termotivasi dengan semangat mereka, yang sanggup bertugas berhempas pulas siang dan malam. Melalui inisiatif ini, saya belajar menyelesaikan setiap permasalahan rumit dengan tenang, sentiasa tulus berbagi khidmat dan manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Saya amat tersentuh apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darusalam menyebut Sukarelawan Belia dalam Titah Baginda. Ia adalah penghargaan buat perjuangan Sukarelawan Belia yang sungguh bermakna."



HAJI MUHAMMAD IQBAL FAKHRI BIN HAJI DAMIT
BERKERJA SENDIRI / KEUSAHAWAN
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Pusat Operasi Sukarelawan Belia Bahagian Lapangan Terbang.

"Sumbangan orang ramai pelbagai bentuk, sama ada makanan, barang dan sebagainya adalah suatu tindakan yang amat mulia bagi saya kerana walaupun mereka, para penyumbang tidak dapat berada bersama kami menjadi seorang sukarelawan, tetapi bakti sumbangan mereka jelas menunjukkan sikap pemedulian dan keprihatinan. Dari hari pertama hingga ke hari ini, sumbangan itu telah menjadi pembakar semangat Sukarelawan Belia untuk terus ke hadapan."



HAJI MOHAMAD PAIZZAL BIN HAJI PILUK
TENAGA PENGAJAR PUSAT BAHAGIA,
JAPEM, KPG. PULAI.
Mula sertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Pusat Operasi Bahagian Peronda.

"Sepanjang menyertai Sukarelawan Belia, saya sangat menghargai persahabatan dan jalinan rangkaian kenalan yang semakin luas. Saya telah berkerja dengan sukarelawan-sukarelawan hebat yang mempunyai pelbagai latar dan bidang. Daripada mereka inilah, saya banyak belajar perkara-perkara yang dapat saya manfaatkan dalam kehidupan."



MOHAMMAD ASHMEER S/O IMTIAZ AHMAD
MAHASISWA TAHUN AKHIR
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KESIHATAN, SAINS BIOPERUBATAN
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 25 Mac 2020
sebagai Ketua Operasi Bahagian Kemasyarakatan.

"Satu Kenangan berharga bagi saya apabila melihat sendiri reaksi wajah-wajah gembira para penerima bantuan sehingga mereka berdoa untuk kesejahteraan para sukarelawan belia. Saya gembira kerana kami mampu berada di sini menceriakan dan memberikan senyuman kepada insan-insan ini."

MOHD MAZNI LATIFF BIN ABDULLAH
MANTAN KETUA JURUTEKNIK MEKANIKAL,
PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI (RB)

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Pusat Operasi Bahagian Hospital dan Pusat Kesihatan.

"Pada mulanya saya bertugas di Hospital Tutong sebagai pengurus logistik. Namun, dua minggu kemudian saya telah ditarik ke pusat operasi Sukarelawan Belia sebagai ketua perhubungan pusat-pusat perubatan dan pusat-pusat kesihatan seluruh daerah.

Saya sebenarnya seronok melaksanakan tugas ini kerana dapat menghadapi pelbagai kerentah ragam pelawat dan pesakit di hospital."



PG. MOHAMAD AL NIZAR BIN PG. AZAHARI
JURUGAMBAR BEBAS

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020
sebagai Ketua Perhubungan Awam & Media Sukarelawan Belia.

"Detik termanis adalah ketika saya menyaksikan keluarga bertemu semula setelah dua minggu mereka terpaksa berpisah menjalani tempoh pengasingan. Disamping itu, bertugas di bulan Ramadhan juga salah satu detik yang saya tidak dapat lupukan kerana jalinan persahabatan yang kian terserlah. Semangat yang diberikan sesama sukarelawan membuatkan tugas ini sentiasa dalam suasana kekeluargaan."

YUSLIZA BINTI YUSOF, JURULATIH KAWAD,
KEM LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)
TEMBURONG

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020
sebagai Ketua Bahagian Pengerahan Persatuan Alumni PKBN.

"Saya masih ingat ketika ditugaskan di pusat-pusat pengasingan, selepas para penginapan telah tamat tempoh 14 hari arahan pengasingan, kami ketika itu ditugaskan untuk membantu mereka membawa beg-beg. Walaupun ramai sukarelawan tidak kenal antara satu sama yang lain tetapi dengan adanya kerjasama, kami berhasil melaksanakan tugas itu dengan pantas. Kelelahan membawa beg-beg bagasi para penginapan seakan tidak terasa. Alhamdulillah saya terharu melihat wajah setiap sukarelawan yang tulus berbakti. Ketulusan itulah membuatkan saya berasa gembira dan iski berkerja bersama mereka."



WARDATUL ZAHRAH BINTI ABD RAZAK
PENGURUS SYARIKAT S. KOTA SDN BHD

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 26 Mac 2020
sebagai Timbalan Ketua Sekretariat (HSE) Sukarelawan Belia.

"Banyak antara detik-detik berharga bersama Sukarelawan Belia. Antaranya adalah bertemu dengan ramai kenalan baru dari pelbagai bidang, meneroka lokasi-lokasi baru sekitar Brunei dan yang terpenting, turut serta berganding tenaga bersama para sukarelawan belia."



**KHAIRUNISA HAFIZAH BINTI HAJI MAHMUD
BAKAL GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA SOSIOLOGI &
ANTROPOLOGI, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020 sebagai Ahli Operasi Bahagian Pusat Pengasingan/Hotel.

"Saya masih ingat pada tujuh hari terawal beroperasinya Sukarelawan Belia, saya dan rakan seperjuang telah mengalami kesukaran mencari sukarelawan. Sehingga sampai 72 jam buat pertama kalinya, saya tidak tidur kecuali terlena sekejap sekadar untuk mendapatkan secubit tenaga meneruskan tugas. Walaupun ia satu peristiwa yang agak melelahkan, ia juga menjadi satu kenangan manis kerana sebalik kepayahan itu, saya dan rakan berusaha bersama menyelesaikan setiap permasalahan. Disamping itu, saya juga mengasah kebolehan dari segi sosial terutamanya ketika menghadapi individu-individu dari pelbagai latar. Sesungguhnya banyak perkara yang saya telah pelajari dari mereka. Semoga niat kita semua bersukarela sentiasa tulus untuk membantu negara Brunei dan Raja tercinta."



**NURUL IZYAN BINTI ANVER
PENGURUS PROJEK / PENGURUS OPERASI SUHBE CO.**
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 18 Mac 2020 sebagai Petugas Sistem dan Pangkalan Data.

"Bagi saya detik termans dan berharga itu adalah apabila menyaksikan antara sukarelawan yang masih bertahan, berpenat-lelah dan berkerja keras hingga ke hari ini. Saya juga rasa gembira dapat berkongsi keceriaan melihat para sukarelawan saling menyambut hari kelahiran antara satu sama yang lain, makan bersama, berpuasa bersama dan menikmati suasana raya bersama. Saya bahagia berada di sini bersama mereka terus merakamkan lebih banyak kenangan manis."



**NUHAIRI TAHIR
PEGAWAI PERKHIDMATAN KABIN,
SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI (RB).**
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 8 April 2020 sebagai Ketua Peronda Sukarelawan Belia Hospital RIPAS.

"Satu kenangan yang bererti apabila saya diberikan kepercayaan mengendalikan dan mentadbir seramai 110 sukarelawan-sukarelawan belia yang bertugas di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Walaupun tugas ini hanyalah sukarella, tetapi setiap kepercayaan yang diberikan amat berharga bagi saya"



LIM TAT HWE, JURULATIH SUKAN KEBANGSAAN

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 22 April 2020 sebagai Petugas di Lapangan Terbang & Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel.

"Saya masih ingat hari pertama bertugas di Lapangan Terbang ketika diarahkan memakai PPE penuh. Gugup bercampur dengan teruja memenuhi perasaan diri saya waktu itu kerana keberadaan kami bukanlah suatu perkara yang biasa tetapi bersama berbakti menangani COVID-19. Saya juga tidak lupa pengalaman berkerja di Hotel Mulia bersama para sukarelawan KKBS, Kementerian Kesihatan, Polis, Bomba dan banyak lagi agensi berkenaan membantu sejumlah 99 penginap mengangkat beg basi setelah tamat tempoh pengasingan. Kerjasama ini walaupun ringan di pandangan mata, namun ia begitu bererti bagi saya atas semangat saling berganding bahu dan membantu."



DAYAT AHIM, TENAGA PENGAJAR & PENYANYI

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 10 April 2020 sebagai Petugas Peronda Sukarelawan Belia.

"Kenangan manis ketika berada dalam Sukarelawan Belia adalah apabila dapat berkenalan dengan ramai belia-belia dari pelbagai kerjaya, latar, dan pengalaman. Juga satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah ketika kami para barisan sukarelawan saling berkerjasama dalam bergotong royong membantu penginap-penginap untuk mendaftar masuk dan mendaftar keluar dari pusat-pusat pengasingan hotel yang ditentukan. Diharapkan melalui kerjasama ini akan dapat menarik lebih ramai warga sukarelawan untuk sama berbakti."



**MUHAMMAD ALAF BIN HAJI REDAWAN
MAHASISWA TAHUN 1 IJAZAH SARJANA MUDA PERDAGANGAN,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 15 April 2020 sebagai Ketua kebajikan bahagian kemasyarakatan daerah Brunei Muara.

"Pengalaman berharga adalah ketika saya diberikan tugas untuk memantau rumah-rumah keluarga yang berkeperluan dan menyerahkan sumbangan orang ramai kepada mereka. Tugas ini secara tidak langsung, memberikan kesedaran betapa kita harus sentiasa bersyukur apa yang kita ada dan jalankanlah tanggungjawab bakti kepada masyarakat dan negara yang dikasihi."



**DENNIS PHIONG CHING FONG
PENGURUSAN JENTERA BERAT YUNSAN EARTHWORKS & TRANSPORT**
Bermula pada 26 Mac 2020 sebagai Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel

"Kenangan terindah saya adalah mendengar taklimat Sukarelawan Belia pada kali pertama oleh Haziq, Ketua Operasi Sukarelawan Belia Bahagian Pusat Pengasingan / Hotel. Saya berasa sungguh teruja pada waktu itu."



**SABINAYA CHANDRA RAI
JURULATIH RAGBI DUNIA (RAGBI ASIA)**
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020 sebagai Petugas Penghubungan (Liaison Officer).

"Selaku warga Nepal yang menetap di Brunei selama 6 tahun, saya rasa amat bertuah berpeluang ikut serta berbakti untuk penduduk dan negara Brunei Darussalam. Saya gembira bertemu dengan para sukarelawan tanahair yang begitu mencintai negara sebagaimana saya amat menyayangi negara Brunei ini. Satu peristiwa yang juga amat berharga bagi saya apabila pada tahun ini, Sukarelawan Belia menyambut hari kelahiran saya ketika saya terpaksa berjauhan dengan keluarga. Akhir sekali, satu kenangan terbaik bagi saya berpeluang berkerja dengan mereka dari pelbagai agensi Kerajaan, Swasta dan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (NGO). Kita berjuang bersama terus bersemarak di hati saya."



**AZIZ @ YOJI HAJI MOHD ALI
PEREKA GRAFIK / PENGURUS EKSEKUTIF PAPERPLANE MEDIA**
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020 sebagai Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel & Petugas Peronda Sukarelawan Belia.

"Salah satu peristiwa yang menyentuh hati saya adalah melihat keluarga yang telah bertemu semula selepas tamat tempoh pengasingan. Ada diantara mereka saling berpelukan, menangis kerana baru bertemu keluarga yang dikasihi. Turut berharga bagi saya juga adalah bertemu dengan rakan-rakan sukarelawan yang mempunyai pelbagai latar dan bidang."



LAU PIK WEN
PENSYARAH / AKAUNTAN PROFESIONAL AHLI MAJLIS BICPA
(THE BRUNEI DARUSSALAM INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANT)
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 2 April 2020
sebagai Penterjemah dan Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel.

"Satu kenangan indah berada di sini menyaksikan sendiri semangat kebruneian para sukarelawan, kasih sayang keluarga yang sentiasa memberikan sokongan padu, kerjasama antara sukarelawan dan pelbagai agensi serta warga sukarelawan yang sanggup bangun empat pagi setiap hari untuk bertugas demi menjaga kesihatan para-para penginap di pusat pengasingan. Saya yakin banyak lagi kenangan-kenangan indah ini akan terbina di masa hadapan."

DAYANGKU MASWARTY BINTI PG. HJ. SULEIMAN
PEKERJA TINGKAT II UNIT MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI,
JABATAN PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN.
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 22 Mac 2020
sebagai Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel.

"Suatu kenangan indah apabila para sukarelawan yang asalnya tidak kenal satu sama yang lain kini jadi sahabat umpama keluarga sendiri. Suatu kenangan yang indah juga apabila saya gugup pada hari pertama bertugas menjaga keperluan kebaikan para penginap dan tugas itu berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Suatu kenangan yang indah apabila berpeluang merasai pengalaman sebagai seorang sukarelawan. Saya berasa sangat beruntung berada di sini berjuang bersama para sukarelawan belia."




NUR 'ATIKAH SYAFIQAH BINTI HAJI MOHD ROSLANI
MAHASISWI IJAZAH SARJANA MUDA SOSIOLOGI & ANTROPOLOGI,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 30 Mac 2020
sebagai Petugas di Pusat-Pusat pengasingan,
di Pusat Kesihatan Berakas & Hospital RIPAS.

"Saya sangat terharu dan tersentuh melihat keikhlasan para sukarelawan yang masih melangkah ke hadapan atas tujuan yang sama. Sejak hari pertama menyertai Sukarelawan Belia, saya bukan sahaja menyaksikan kebersatuhan dalam sukarelawan itu sendiri, tetapi merangkumi para pekerja dari pelbagai organisasi, penjawat-penjawat awam serta penglibatan orang ramai. Semangat perpaduan inilah menjadi inspirasi saya."

AZRIN BIN HAJI MUHAMMAD ALI
BERKERJA SENDIRI/ KEUSAHAWAN
Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 28 Mac 2020
sebagai Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel.

"Pada mulanya saya rasa takut menyertai Sukarelawan Belia kerana ada sedikit sebanyak risiko. Saya ditugaskan menguruskan penginap-penginap yang baru masuk di pusat pengasingan, saya menghantar barang amanah keluarga mereka kepada penginap, saya pantau perkembangan kesihatan mereka setiap hari untuk dilaporkan kepada pegawai-pegawai Kesihatan yang bertugas, hinggahal penginap tamat tempoh pengasingan. 14 hari itu sangat berharga bagi saya kerana ia bukti saya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Tidak lupa juga rakan-rakan sukarelawan yang sentiasa berkerjasama, para polis dan bomba. Bersama kami kadang-kala menahan lapar, menghadapi suka-duka, dan menceriakan antara satu sama yang lain. Mereka inilah menjadi sumber kekuatan saya di kala lelah dan penat. Begitulah berertinya Sukarelawan Belia untuk saya"



HAJI ABDUL AFIQ BIN ZAINUDDIN,
GURU/ TENAGA PENGAJAR
SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI
SAIFUDDIEN, KUALA BELAIT.

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 27 Mac 2020
sebagai Petugas Penghubung Sukarelawan Belia Daerah Belait

"Pada awalnya, saya menyertai Sukarelawan Belia hanya untuk suka-suka. Namun setelah menjadi wakil pusat Sukarelawan Belia bagi Daerah Belait, saya semakin serius melaksanakan tugas sukarelawan ini. Rasa teruja berkerjasama dengan mereka dari pelbagai organisasi dan ianya merupakan satu bakti bersama untuk negara yang tercinta."

LENNA NOR SUSILANITA BINTI BAHARI
PENGGIAT SENI

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020
sebagai Petugas Penghubungan & Media



"Saya berada di sini sebenarnya ingin berjasa kepada negara atas kemudahan yang telah saya nikmati selama ini sebagai rakyat Brunei. Namun, sebalik Sukarelawan Belia ini, saya bukan sahaja bertemu dengan insan-insan hebat, tetapi jalinan kasih persahabatan yang sungguh bermakna."



SANDORA BINTI HAJI BASRI
KAKITANGAN SEKOLAH MENENGAH KATOK

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 22 Mac 2020
sebagai Petugas di Pusat-Pusat Pengasingan / Hotel.

"Kenangan termanis saya ialah apabila menerima surat-surat dari para penginap yang menjalani tempoh pengasingan. Pengisian surat itu mengucapkan penghargaan buat para sukarelawan khususnya. Ini bererti walau sumbangan kami kecil, ia tetap bermakna untuk mereka. Saya juga masih ingat ketika pada mula-mula bertugas di mana kami tertidur di dalam bas di waktu subuh setelah tamat tugas. Bersama kami menyumbangkan bakti dan bersama kami berkongsi kelelahan."

NUR BATRISYIA BINTI ZAINUDIN
IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH 2019,
GRADUAN UNIVERSITI AL-AZHAR, CAIRO.

Mula menyertai Sukarelawan Belia pada 20 Mac 2020
sebagai Ketua Sukarelawan Perkhidmatan Sosial & Komuniti Bahagian Kemasyarakatan



"Sepanjang menyertai Sukarelawan Belia di bawah bahagian kemasyarakatan banyak peristiwa-peristiwa manis yang tidak dapat dilupakan. Antaranya adalah projek kempen derma darah, membantu dan menghantar makanan untuk warga-warga emas di Sungai Teraban, bertemu dengan individu-individu dari pelbagai latar, dan berada bersama atas tujuan yang satu iaitu untuk membantu dan berkhidmat demi negara tercinta."

Terima kasih kepada para sukarelawan yang m asih bersama, m ahupun m ereka yang pernah sukarela menghulurkan bakti. Sebenarnya, ramai lagi wajah-wajah hebat sukarelawan kita. Setiap sumbangan mereka sama ada kecil atau besar, secara langsung dan tidak langsung amatlah bermakna buat barisan Sukarelawan Belia ini. Keberadaan para sukarelawan m enunjukkan semangat kekitaan, kebersamaan, kesepadan dan jalinan persahabatan yang tulus. Setiap sukarelawan pasti menyimpan detik lembaran terindah buat ristaan generasi kita. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua memberikan ganjaran yang setimpal atas sumbangan murni barisan sukarelawan ini. Amin Amin Amin ya Rabbal Alamin.

Kita Berjuang Bersama

WARTA BELIA ورتا بليا
YOUTH NEWS SUKARELAWAN BELIA



KITA BERJUANG BERSAMA

Talian Operasi Bahagian Pusat Pengasingan (OPS 5) +673 816 3054	Talian Operasi Bahagian Pusat Pengasingan (OPS 4) +673 816 3081	
Talian Operasi Bahagian Kemasyarakatan (OPS 3) +673 816 3325	Talian Operasi Derma Pandu Lalu (OPS 2) +673 816 3461	Talian Operasi Alumni PKBN +673 816 3324
Talian Bahagian Kewangan +673 736 3027		Talian Sekretariat (Daerah Belait) +673 714 8781

TALIAN UTAMA OPS
+673 891 3762



+673 891 3762



@sukarelawanbelia.bn